

LAMPIRAN 1

Jenis Yuran	Perincian	Justifikasi
Perkhidmatan ICT & Utiliti	i. Air ii. Elektrik iii. ICT	1) Perkhidmatan ICT & Utiliti melibatkan perkhidmatan air, elektrik dan WIFI termasuk sistem-sistem (cth: iFolio, e-Kewangan, SMPweb dll) yang dibangunkan dan digunakan oleh pelajar. 2) Kos yang terlibat bagi perkhidmatan ICT & Utiliti berjumlah RM 81 Juta. Pelajar hanya dicaj yuran sebanyak RM 80 manakala kos selebihnya ditanggung oleh Universiti sebanyak 92%. 3) Kos untuk menyediakan perkhidmatan dicaj secara pakej atau sama rata kepada semua pelajar walaupun segelintir pelajar tidak menggunakan secara langsung perkhidmatan tersebut. 4) Amaun yang dicaj keatas pelajar adalah sangat minimal iaitu RM16 sebulan jika dibandingkan dengan kos yang ditanggung Universiti. 5) Jika dibandingkan dengan pakej data dari telco luar, caj yang UKM kenakan adalah jauh lebih murah dengan had penggunaan data yang diberikan.
Kebajikan dan Insurans	i. Bantuan kebajikan pelajar ii. Insurans	1) Tujuan tabung kebajikan pelajar diadakan adalah untuk memastikan supaya sumber kewangan sentiasa tersedia bagi memberi bantuan kepada pelajar-pelajar yang ditimpa kemalangan secara langsung atau tidak langsung. 2) Pelajar berhak mendapat perlindungan insurans yang telah disediakan oleh UKM sekiranya terjadi musibah/kemalangan.
Kesihatan	Rawatan perubatan dan pergigian termasuk ubat-ubatan di Pusat Kesihatan UKM, Hospital UKM, Klinik Panel, semua kemudahan yang disediakan UKM seperti FSK & FGG dan Hospital Kerajaan	1) Kos yang terlibat bagi perkhidmatan kesihatan berjumlah RM 5.1 Juta. Pelajar hanya dicaj yuran sebanyak RM75 manakala kos selebihnya ditanggung oleh Universiti sebanyak 18%. Tambahan pengurangan Universiti telah diberikan berjumlah RM 15 kesan covid19. 2) Walaupun pelajar tidak berada di UKM, pelajar berstatus aktif masih boleh mendapatkan perkhidmatan rawatan perubatan dan pergigian termasuk ubat-ubatan di Pusat Kesihatan UKM, Hospital UKM, Klinik Panel, semua kemudahan yang disediakan UKM seperti FSK & FGG dan Hospital Kerajaan.
Fasiliti	i. Pengangkutan ii. Kemudahan makmal iii. Peralatan iv. Dewan	1) Perkhidmatan fasiliti melibatkan perkhidmatan pengangkutan, kemudahan makmal, peralatan dan dewan. 2) Kos yang terlibat bagi perkhidmatan fasiliti berjumlah RM 59.77 Juta. Pelajar hanya dicaj yuran sebanyak RM60 manakala kos selebihnya ditanggung oleh Universiti sebanyak 91%. Tambahan pengurangan Universiti telah diberikan berjumlah RM 39 kesan covid19. 3) Pengoperasian bas berjalan seperti biasa kerana segelintir pelajar menginap kolej. 4) Walaupun segelintir pelajar tiada di UKM, kontrak penyelenggaraan masih berjalan seperti biasa.
Aktiviti KMUKM	Pembiayaan untuk menampung kos aktiviti pelajar	1) Yuran aktiviti KMUKM menjadi sumber dana kepada persatuan/kelab di UKM untuk bergerak bagi melaksanakan aktiviti pelajar 2) Yuran aktiviti diberi kepada pelajar untuk menjalankan program tanpa perlu atau mengurangkan beban pelajar memohon sumbangan luar. Tambahan pengurangan Universiti telah diberikan berjumlah RM 10 kesan covid19.
Perpustakaan	i. Kemudahan perpustakaan di PTSL, FUU, ATMA, PDAL, PHTCM, Perpustakaan Lingkungan Kedua, Perpustakaan Pra Klinikal ii. Langganan maklumat iii. Pangkalan data atas talian	1) Kos yang terlibat bagi perkhidmatan perpustakaan berjumlah RM 17 Juta. Pelajar hanya dicaj yuran sebanyak RM50 manakala kos selebihnya ditanggung oleh Universiti sebanyak 83%. 2) Amaun yang dicaj keatas pelajar selepas pengurangan diberi adalah sangat minimal iaitu RM5 sebulan jika dibandingkan dengan kos yang ditanggung Universiti. Pengurangan Universiti telah diberikan berjumlah RM 25 kesan covid19. 3) Pelajar masih boleh menggunakan perkhidmatan secara atas talian seperti portal e-jurnal, sistem learning and research repository (vital), katalog perpustakaan (sierra), sistem e-rap, perkhidmatan rujukan dan khidmat nasihat secara atas talian (email, whatsapp, facebook, livechat) 4) Kontrak langganan data/jurnal masih perlu dibayar walaupun dalam tempoh pandemik.
Aktiviti Sukan & Rekreasi	i. Penyelenggaraan kemudahan sukan dan peralatan ii. Naik taraf pembangunan kemudahan sukan iii. Upah tenaga pengajar (instructor)	1) Oleh kerana pelajar tidak dibenarkan melakukan aktiviti sukan dan rekreasi, Universiti bersetuju untuk tidak mengenakan yuran. 2) Walaupun bagaimanapun, kemudahan masih perlu dibayar oleh Universiti seperti kos penyelenggaraan kemudahan sukan & peralatan dan naik taraf pembangunan kemudahan sukan berjumlah RM 3.1 Juta. Pelajar hanya dicaj yuran sebanyak RM 20 manakala kos selebihnya ditanggung oleh Universiti sebanyak 64%.
Perkhidmatan Klinikal - FSK	i. Peperiksaan klinikal ii. Bayaran Saguhati subjek/pesakit	1) Yuran perkhidmatan klinikal dikenakan bagi tujuan peperiksaan klinikal dan bayaran saguhati subjek/pesakit 2) Kos peperiksaan klinikal dan bayaran sampel pesakit ditetapkan oleh KKM 3) Peperiksaan masih akan dijalankan pada suatu tarikh yang akan diberitahu kelak
Pengajian	i. Emolumen kakitangan berkaitan pengajaran ii. Bahan Pengajaran iii. Perbelanjaan operasi fakulti iv. Saguhati pemeriksa	1) Tiada sebarang perubahan yuran pengajian bagi tahap Prasiswazah dalam tempoh 30 tahun dan yuran masih kekal sehingga kini. 2) Sebarang perubahan yuran pengajian adalah di bawah kawalan dan kelulusan pihak Kementerian Pengajian Tinggi. 3) Kos yang terlibat bagi yuran pengajian berjumlah RM 252 Juta. Pelajar hanya dicaj yuran sebanyak RM550-RM 1850 per semester, manakala kos selebihnya ditanggung oleh Universiti sebanyak 94%-96%. 4) Latihan Industri merupakan satu subjek wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar bagi memastikan jumlah jam kredit mencukupi dan membolehkan pelajar bergraduasi. Oleh itu, semester latihan industri adalah termasuk tempoh pengajian.